

03/07/1998

Barat cuba takluk negara merdeka

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat, khususnya ahli Umno mengenai cubaan Barat untuk menakluki semula negara dengan melemahkan Umno yang menjadi tunjang kekukuhan Barisan Nasional (BN) dan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, mereka cuba menakluk semula negara yang pernah mereka takluk dahulu dengan menyerang kekukuhan kerajaan dan ekonomi bagi memiskinkan rakyat sehingga negara terpaksa meminta sedekah daripada mereka.

Menurutnya, selepas berjaya menjatuhkan sistem pemerintahan komunis di Russia mereka kini berusaha menakluki negara merdeka supaya menyokong sistem kapitalis dan menurut kehendak mereka dalam pelbagai perkara, termasuk dasar negara, hak asasi dan kebebasan manusia.

Antara cara yang digunakan ialah memecah-belahkan Umno dengan menimbulkan perasaan marah ahli terhadap kepimpinan parti menerusi dakwaan kononnya pemimpin tidak jujur serta mengamalkan nepotisme dan kronisme.

Berucap pada majlis perhimpunan rakyat yang dihadiri kira-kira 5,000 rakyat pelbagai kaum di sini hari ini, Dr Mahathir sekali lagi berkata bahawa tidak wujud amalan nepotisme dan kronisme dalam pemerintahan kerajaan.

Beliau berkata, isu itu hanyalah digunakan oleh pihak tertentu untuk menjatuhkan kepemimpinan kerajaan sekarang untuk kepentingan mereka.

"Tuduhan itu asalnya dibuat oleh media asing, tetapi ada orang dalam Umno yang menyambut tuduhan itu kerana kepentingan diri dan nampak ada peluang untuk majukan diri sendiri dengan gunakan isu itu," katanya.

Perdana Menteri juga kesal kerana ada ahli Umno yang merelakan diri mereka menjadi alat bagi merebut peluang untuk kepentingan politik diri sendiri.

"Mereka berusaha untuk melemahkan kita supaya kita tidak menentang dan halang mereka masuk dengan melemahkan kerajaan. Mereka cuba melemahkan Umno, iaitu parti komponen dalam BN yang paling besar.

"Justeru, mereka pasti serang dan memecah-belahkan Umno dengan menimbulkan perasaan marah ahli kepada kepimpinan Umno kononnya tidak jujur dan membahagi kekayaan kepada keluarga dan sahabat handai," katanya.

Turut sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak pernah menghadapi masalah seperti yang dihadapi sekarang sejak 17 tahun memimpin negara dan berpendapat kemelesetan ekonomi pada 1985 lebih mudah diatasi.

"Tekanan terhadap ringgit dan saham ini berat. Bukan mudah untuk mempertahankan kedaulatan negara sehingga terpaksa memeras otak untuk mengekalkan kemerdekaan negara.

"Saya takut ketika saya menjadi Perdana Menteri, negara hilang kemerdekaan dan sebab itu saya tumpukan perhatian mengatasi masalah ini.

"Kita bukan diserang oleh tentera, tetapi kesannya sama jika diserang tentera kerana dengan menggunakan wang mereka boleh takluk," katanya.

Berikutan itu, Dr Mahathir meminta rakyat tidak terpengaruh dengan pihak yang menyebarkan dakyah tidak berasas sebaliknya bersatu padu bagi menjaga maruah dan sistem politik negara.

(END)